



## MAKLUMAT PENTADBIRAN LATIHAN BILANGAN 2 TAHUN 2015

Semua Pengarah Kanan Bahagian  
Semua Pengarah Bahagian  
Semua Pengarah JP Negeri

### PROSES PERMOHONAN MENJALANKAN KURSUS DALAMAN OLEH BAHAGIAN DAN JP NEGERI (*OUTREACH* DAN BUKAN *OUTREACH*)

Maklumat Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan tentang prosedur permohonan untuk menjalankan kursus dalaman oleh Bahagian dan JP Negeri (*Outreach dan Bukan Outreach*).

2. Penjelasan tentang prosedur bagi melicinkan permohonan tersebut diberikan seperti berikut:

a) *Outreach* :

Kursus *outreach* ialah kursus dalaman yang dianjurkan dan diadakan di JP Negeri berdasarkan kursus dalaman yang telah disenaraikan dalam takwim kursus pada tahun berkenaan oleh ILSM.

- i) JP Negeri Sabah dan Sarawak yang ingin mengadakan kursus *outreach* perlu mengemukakan permohonan melalui Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM);
- ii) Kursus yang akan diadakan hendaklah berdasarkan senarai kursus dalaman yang telah diluluskan oleh YBhg. Datuk Dr. Ketua Perangkawan Malaysia, pada tahun berkenaan.

- iii) ILSM akan memajukan permohonan tersebut kepada YBhg. Datuk Dr. Ketua Perangkawan Malaysia untuk mendapatkan kelulusan;
- (iv) JP Negeri Sabah dan Sarawak perlu memastikan peserta melengkapkan borang penilaian kursus, penceramah dan memasukkan segala aktiviti latihan yang dilaksanakan ke dalam Log Latihan masing-masing; dan
- v) Satu salinan laporan tentang kursus yang dijalankan perlu dikemukakan kepada ILSM. Ini termasuk senarai kedatangan peserta yang bertandatangan untuk tujuan pengeluaran sijil dan rekod Sistem Pengurusan Latihan (SPL).
- vi) Segala perbelanjaan kursus dan juga bayaran penceramah adalah ditanggung oleh JP Negeri yang menganjurkan kursus tersebut.
- vii) ILSM akan mengeluarkan surat pelantikan penceramah.

**b) Bukan *Outreach* :**

Kursus bukan *outreach* ialah kursus yang dianjurkan dan diadakan di Bahagian/JP Negeri selain daripada kursus dalaman yang telah disenaraikan dalam takwim kursus pada tahun berkenaan oleh ILSM.

- i) Semua Bahagian dan JP Negeri yang ingin mengadakan kursus dalaman perlu mengemukakan permohonan melalui Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM);
- ii) Permohonan ini termasuk permohonan untuk menjalankan latihan yang dibiayai oleh agensi/badan antarabangsa atau wang amanah;
- iii) Permohonan daripada Bahagian di bawah Program Ekonomi dan Sosial/Demografi perlu melalui Timbalan Ketua Perangkawan masing-masing;
- iv) ILSM akan memajukan permohonan tersebut kepada YBhg. Datuk Dr. Ketua Perangkawan Malaysia untuk mendapatkan pertimbangan dan kelulusan;
- v) Bahagian dan JP Negeri perlu memastikan peserta memasukkan segala aktiviti latihan yang dilaksanakan ke dalam Log Latihan masing-masing;

- vi) Bahagian dan JP Negeri perlu mengemukakan kepada ILSM senarai kedatangan peserta yang bertandatangan untuk tujuan pengeluaran sijil dan rekod Sistem Pengurusan Latihan (SPL);
- vii) Segala perbelanjaan kursus dan juga bayaran penceramah adalah ditanggung oleh Bahagian/JP Negeri yang menganjurkan kursus tersebut; dan
- viii) ILSM akan mengeluarkan surat pelantikan penceramah.

3. Untuk makluman, pekeliling yang digunakan dalam urusan pengendalian latihan ialah:


- i) Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 19 Tahun 2002;
- ii) Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2005;
- iii) Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2005; dan
- iv) Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2012.

4. Dengan berkuatkuasanya Maklumat Pentadbiran Latihan ini, Surat Pekeliling Pentadbiran Latihan Bilangan 2 Tahun 2012 adalah dibatalkan.

5. Maklumat Pentadbiran Latihan ini berkuat kuasa pada tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(WAN MOHD SHAHRULNIZAM BIN WAN MOHD NAJURI)  
Pengarah,  
Institut Latihan Statistik Malaysia,  
Jabatan Perangkawan Malaysia.

9 Januari, 2015.

s.k. Ketua Perangkawan Malaysia.

Timbalan Ketua Perangkawan (Ekonomi).

Timbalan Ketua Perangkawan (Sosial/Demografi).